

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**  
**KAWASAN : GERIK**  
**TARIKH : 02 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan menaik taraf jalan raya Timur Barat yang menghubungkan Gerik dengan Jeli. Ini disebabkan jalan utama yang mengalami kerosakan yang membimbangkan sehingga menyebabkan berlaku kemalangan melibatkan kehilangan nyawa. Keadaan jalan yang berlubang yang tidak dibaiki juga mengakibatkan kerosakan pada kenderaan. Ini merupakan jalan penghubungan antara pantai barat dan pantai timur dan bilakah penyelenggaraan yang sepenuhnya dibuat untuk jalan berkenaan sebelum ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan yang dimaksudkan merupakan laluan Persekutuan **FT004** iaitu **Jalan Baling-Gerik-Jeli** (atau dikenali sebagai Lebuhraya Timur – Barat). Laluan ini menghubungkan tiga (3) negeri iaitu Kedah, Perak dan Kelantan. Jumlah **keseluruhan panjang** laluan ini adalah sepanjang **292.39 km**. Di Negeri **Perak**, laluan ini bermula di **Seksyen 83.740** yang bersempadanan dengan Negeri Kedah dan melalui beberapa kawasan termasuk kawasan Parlimen Gerik dan seterusnya berakhir di sempadan Negeri Kelantan iaitu di Jeli di **Seksyen 198.400** iaitu sepanjang **114.660 km**.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Kemalangan Jalan Raya oleh Polis DiRaja Malaysia (POL27), jumlah kemalangan yang direkodkan bagi tempoh tahun 2018 sehingga Jun 2019 ialah sebanyak **36 kemalangan** jalan raya di laluan FT004 iaitu Jalan Gerik ke Jeli dalam kawasan Daerah Hulu Perak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **15 kejadian kemalangan dikategorikan sebagai parah atau maut**. Walau bagaimanapun, didapati **punca** kejadian kemalangan ini adalah disebabkan oleh **faktor manusia (kecuaian pemandu)** dan **bukannya disebabkan keadaan jalan raya**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan bagi melaksanakan program penyenggaraan Jalan Persekutuan di Daerah Hulu Perak adalah sebanyak **RM6.35 juta** bagi tempoh bulan **Januari – Ogos 2019**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM1.81 juta** telah diagihkan untuk program penyenggaraan di laluan **FT004**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi memastikan jalan-jalan yang rosak dapat dibaiki segera, Kementerian Kerja Raya telah melantik Syarikat konsesi melalui perjanjian penswastan di bawah skop Kerja Penyenggaraan Rutin, Syarikat konsesi perlu melakukan rondaan Pemeriksaan Rutin di jalan-jalan Persekutuan dengan kekerapan 2 kali seminggu. Ini adalah untuk memastikan jika terdapat sebarang kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja tampalan lubang hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 24 jam selaras dengan dasar Kementerian Kerja Raya iaitu dasar sifar lubang atau '*zero pothole*' di Jalan Persekutuan di seluruh negara mulai bulan Februari 2016. Dasar ini menetapkan supaya lubang jalan perlu ditampal atau diambil tindakan oleh Syarikat Konsesi dalam tempoh kurang daripada 24 jam. Penalti akan dikenakan terhadap syarikat konsesi sekiranya tindakan yang diambil melebihi dari tempoh tindakan yang ditetapkan. Kerja penampalan lubang ini merupakan langkah awal atau kaedah pencegahan atau *preventive* bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan.

Selain itu, Kementerian Kerja Raya juga menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (*Notice of Defects / NOD*) yang disediakan oleh Syarikat Konsesi Penyenggaraan Jalan Persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia bagi tujuan kelulusan peruntukan.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk melaksanakan program penyenggaraan jalan di Jalan Persekutuan terutamanya penyenggaraan turapan serta memastikan dari semasa ke semasa semua Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan. Sekian, terima kasih.